

## **JENAYAH CURI MENURUT UNDANG-UNDANG SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG BRUNEI DARUSSALAM DARI PERSPEKTIF MAZHAB SYAFI'I**

Norfaezah Saban<sup>1</sup>

### **Abstrak**

Jenayah curi merupakan jenayah yang tidak asing lagi di kalangan masyarakat Brunei Darussalam. Sejak tertubuhnya undang-undang Negara Brunei Darussalam, jenayah ini telah termaktub sebagai jenayah yang perlu dihakimi dan dibendung demi menjaga hak asasi manusia dan juga maqasid Syariah dari segi undang-undang Syariah. Namun begitu, terdapatnya perbezaan dari pelbagai aspek bagi jenayah ini baik dari segi undang-undang Negara Brunei Darussalam dan juga Undang-undang Syariah itu sendiri. Oleh itu, artikel ini ingin menerangkan secara terperinci mengenai sejauhmanakah pemakaian Mazhab Syafi'i dalam undang-undang Syariah Brunei bagi jenayah curi. Apakah perbezaan yang terdapat dan bagaimanakah perlaksanaannya di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini adalah kajian kualitatif dan kepustakaan dengan menyingkap kitab al-Um dan Kitab-kitab Mazhab Syafi'i yang mu'tabar. Kajian ini juga merujuk kepada akta Mahkamah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013. Hasil kajian mendapati bahawa terdapatnya beberapa perbezaan bagi jenayah curi di antara undang-undang Syariah dan juga Undang-undang Negara Brunei Darussalam dari pelbagai aspek.

**Kata Kunci:** Curi, Undang-undang Brunei Darussalam, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, Undang-undang Syariah.

---

<sup>1</sup> Mahasisiwi Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.

## **PENDAHULUAN**

### **Sejarah (Kronologi) Undang-undang Syariah Di Negara Brunei Darussalam**

Kewujudan undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam adalah berkait rapat dengan kemasukan agama Islam di Negara Brunei Darussalam. Terdapat bukti-bukti kukuh yang menunjukkan bahawa Islam telah pun datang ke Brunei sejak abad ke-10 Masihi lagi. (Juned, 1992).

Walau bagaimanapun secara rasminya, Negara Brunei Darussalam telah menerima Islam pada zaman Sultan Muhammad Shah (T.M. 1363-1402) iaitu Sultan Brunei I pada T.M. 1368. Tahun tersebut iaitu T.M. 1368 juga merupakan jangkaan bahawa Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar) memeluk agama Islam kerana berkahwin dengan Puteri Johor (Singapura Tua) yang berlaku sekitar T.M. 1368- 1370. (Al-Sufri, 1990)

Kemuncak perlaksanaan pemerintahan dan sistem keadilan menurut lunas-lunas hukum Islam di Brunei ialah dengan wujudnya undang-undang Islam bertulis yang dikanunkan yang dikenali dengan nama 'Hukum Kanun Brunei' (HKB).

### **Hukum Kanun Brunei**

Salah satu tanda yang menunjukkan bahawa ajaran Islam semakin subur di Negara Brunei Darussalam ialah dengan wujudnya undang-undang Islam bertulis yang dikanunkan. Usaha dan inisiatif bagi mengwujudkan undang-undang tersebut sama sekali tidak akan tercapai tanpa ada iltizam yang tinggi kepada ajaran agama Islam daripada sultan-sultan Brunei yang memerintah pada ketika itu. Apabila Brunei Darussalam berkembang di akhir abad yang ke-15 dan abad yang ke-16 Masihi selepas kejatuhan Melaka pada T.M. 1511, Brunei Darussalam telah mengambil alih sebahagian daripada peranan yang pernah dimainkan oleh Melaka. Tentunya dengan perkembangan ini Brunei Darussalam merasakan betapa perlunya ia mempunyai satu undang-undang yang dapat membantu pihak pemerintah bagi memantapkan keadaan dan ajaran Islam dalam negeri dengan mengwujudkan undang-undang bertulis. (Rahman P. D., t.th) Undang-undang bertulis itu dikenali dengan nama "Hukum Kanun Brunei" (HKB).

Hukum Kanun Brunei (HKB) merupakan undang-undang bertulis pertama yang pernah dikanunkan dan dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam iaitu pada tahun masihi 1511. (Rahman P. D., t.th)

Peruntukan hukum syarak di dalam HKB bukan hanya terhad kepada undang-undang keluarga Islam, undang-undang muamalat harta, undang-undang tanah mahupun undang-undang pentadbiran mahkamah, keterangan dan acara. Bahkan HKB juga memperuntukkan peruntukan jenayah hudud yang dewasa ini dilihat untuk melaksanakannya dan menguatkuasakannya merupakan satu cabaran yang besar kepada negara-negara Islam dan umat Islam. Setakat ini terdapat dua teks manuskrip undang-undang Brunei lama yang ditemui yang pernah dikanunkan.

Daripada 45 fasal di dalam HKB, terdapat sembilan fasal peruntukan yang berkaitan dengan hudud. Peruntukan hudud yang disebut oleh HKB itu ialah seperti berikut: i. Jenayah Curi Di dalam fasal yang ketujuh, HKB memperuntukkan: Adapun pada hukum Allah Ta'ala, orang mencuri tiada harus dibunuh melainkan dikudung tangannya juga. (Puteh, 2003)

Peruntukan ini adalah jelas bertepatan dengan hukum syarak kerana hukuman potong tangan ke atas pencuri adalah sabit melalui al-Qur'an, Hadis dan Ijma'.

Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ma'idah, ayat 38:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ  
حَكِيمٌ ۝ ۳۸

**Mafhumnya:** Adapun orang laki-laki dan perempuan yang mencuri maka (hukumannya) potonglah (pergelangan) tangan (kanan) mereka sebagai balasan terhadap apa yang mereka telah lakukan dan sebagai seksaan daripada Allah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Hukuman potong tangan pernah dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang tergambar daripada catatan-catatan oleh beberapa orang penulis. Catatan Sepanyol mengenai Brunei dalam 'Boxer Codex' pada T.M. 1588-1589 menyebutkan bahawa hukuman potong tangan kanan dikenakan ke atas siapa yang melakukan jenayah curi. (Carroll, 1982)

Hukuman jenayah hudud yang tidak diperuntukkan oleh HKB ialah jenayah samun atau rompak.

Pada dasarnya HKB dengan jelas ada memperuntukkan jenayah hudud sebagaimana yang ditetapkan oleh hukum syarak. Peruntukan hudud dalam HKB juga adalah jelas bahawa ianya adalah berdasarkan pandangan Mazhab Syafi'i.

Selepas beberapa tahun Negara Brunei Darussalam telah mengisytiharkan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (PKHJS) diwartakan pada 22 Oktober 2013 dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Ilmu Sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke 67.

### **Jenayah Curi Menurut Undang-Undang Syariah dan Undang-undang Brunei dari Perspektif Mazhab Syafi'i**

Definisi curi menurut (Al-Baghawi, 1997) dalam kitabnya *At-Tahzib Fi Fiqh As-Syafi'i* dari segi bahasa ialah mengambil sesuatu daripada orang lain secara sembunyi-sembunyi.

Manakala dari segi istilah ilmu fiqh curi menurut (Al-Baghawi, 1997) ialah mengambil harta secara sembunyi-sembunyi secara zalim bukan dari tempat simpanan dengan syarat-syaratnya.

Bagi Mazhab Syafi'i pula dalam kitab *Fiqh Mazhab Syafi'i* yang ditulis oleh (Al-Khin, 2010) mengatakan curi ialah mengambil harta orang lain secara sulit tanpa sebarang hak dari tempat simpanan dengan syarat-syarat tertentu.

### **Syarat-syarat Pelaksanaan Hukuman (hudud) Curi**

Menurut (Al-Khin, 2010) dalam kitab beliau *fiqh Mazhab Al-Syafi'i* menyatakan bahawa bukan semua pesalah curi akan dikenakan hukuman potong tangan. Sebaliknya sebelum hukuman potong tangan dilaksanakan, ia perlu memenuhi lapan syarat.

Syarat yang pertama ialah hendaklah yang mencuri itu sudah mencapai akil baligh. Kanak-kanak yang masih belum baligh tidak

boleh dikenakan hukuman potong tangan kerana mereka masih tidak terikat dengan undang-undang syarak.

Syarat yang kedua pula ialah berakal. Adapun tidak boleh dikenakan hukuman ini ke atas orang gila yang mencuri kerana tidak terikat dengan hukum. Bagi orang yang mabuk disebabkan meminum minuman yang memabukkan, hukuman akan dikenakan jika dia mabuk kerana sengaja melanggar larangan minum bahan memabukkan. Jika tidak, tiada hukuman dikenakan.

Manakala syarat yang ketiga pula ialah tidak dipaksa. Ini kerana orang yang dipaksa tidak akan dipersalahkan.

Seterusnya syarat yang keempat ialah harta yang dicuri mestilah mencecah kadar yang ditetapkan (*nisab*) iaitu bersamaan dengan satu perempat dinar atau lebih. Satu dinar bersamaan dengan satu mitsqal (20 karat/4.24gm) atau bersamaan dengan tiga dirham. Ini kerana tukaran satu dinar pada zaman Nabi *Sallallahu 'Alaihi Wassalam*. ialah 12 dirham. Oleh itu, suku dinar bersamaan dengan tiga dirham.

Daripada Aisyah *Radiallahu 'Anha* katanya, Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wassalam* bersabda:

لَا تُقَطَّعُ يَدُ السَّارِقِ إِلَّا فِي رُبْعِ دِينَارٍ فَصَاعِدًا

**Maksudnya:** Tangan pencuri tidak dipotong melainkan suku dinar ke atas.

Daripada Ibnu Umar *Radiallahu 'Anha* bahawa Nabi *Sallallahu 'Alaihi Wassalam* memotong tangan kerana sebuah perisai yang berharga tiga dirham.

Salah satu elemen yang penting bagi memenuhi syarat untuk mengenakan hukuman *hadd* potong tangan dalam jenayah curi ialah *nisab*. *Nisab* dalam jenayah curi bermaksud kadar atau nilai tertentu yang dipersyaratkan pada harta yang dicuri untuk mengenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atas pencuri. Mazhab yang empat iaitu Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki, Mazhab Syafi'i dan Mazhab Hanbali sepakat mempersyaratkan *nisab* pada harta yang dicuri untuk

mengenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atas pencuri. (Al-Shirbiniyy, 2000)

Manakala Mazhab Syafi'i pula menentukannya dengan harga satu per empat dinar emas yang bersamaan dengan tiga dirham perak. Mazhab Hanafi berhujah bahawa perselisihan pendapat dalam menentukan harga perisai itu meletakkan bahawa yang wajib ialah tidak mengenakan hukuman *hadd* potong tangan kecuali dengan harga yang diyakini hukuman *hadd* potong tangan boleh dikenakan iaitu sepuluh dirham perak.

Syarat yang ke lima ialah harta dicuri dari tempat simpanan yang sesuai. 'Tempat simpanan yang sesuai' bermaksud pada kebiasaannya harta tersebut disimpan di tempat tersebut atau yang seumpama dengannya. Wang misalnya disimpan di dalam peti atau yang seumpama dengannya. Pakaian pula disimpan di dalam almari atau sebagainya. Ukuran ini merujuk kepada kebiasaan setempat (uruf) dan pendapat orang yang berkemahiran.

Sekiranya harta yang dicuri disimpan di tempat yang biasanya tidak digunakan sebagai tempat simpanan, hukuman potong tangan tidak akan dilaksanakan. Ini berdasarkan hadis ke 1022 dalam kitab *Bulughul Maram* dari Abdullah Ibnu Umar Ibnu Al Ash radhiallahu'anhu bahawa Rasulullah sallallahu alaihi wasallam pernah ditanya tentang kurma yang tergantung beliau bersabda barangsiapa mengambil dengan mulutnya kerana suatu keperluan, tanpa menyimpannya dalam baju, baginya tidak ada hukuman barangsiapa membawa sebahagian keluar ia wajib mengganti dan disiksa. Barangsiapa membawa sebagian keluar setelah dibebel ditempat penjemuran, hingga mencapai harga perisai, maka ia harus dipotong. riwayat Abu Daud dan Nasa'i.

Syarat yang ke enam ialah hendaklah harta yang dicuri itu bukan milik atau milik bersama sipencuri Sekiranya pencuri adalah rakan kongsi, dia tidak akan dihukum potong tangan kerana harta tersebut adalah miliknya bersama. Bagi kes anak mencuri harta bapa atau hamba mencuri harta tuan atau rakyat yang miskin mencuri harta kerajaan atau ketika kebuluran, hukuman potong tangan tidak dikenakan. Ini kerana wujud keraguan terdapat sedikit sebanyak unsur harta bersama dalam harta yang dicuri.

Ini berpandukan hadis Aisyah *Radiallahu 'Anha*:

ادْرَأُوا الْحُدُودَ عَنِ الْمُسْلِمِينَ مَا اسْتَطَعْتُمْ، فَإِنْ كَانَ لَهُ مَخْرَجٌ فَخَلُّوا سَبِيلَهُ، فَإِنَّ  
 الْإِمَامَ أَنْ يُخْطِئَ فِي الْعَفْوِ خَيْرٌ مِنْ أَنْ يُخْطِئَ فِي الْعُقُوبَةِ

Hindarilah hukuman hudud daripada orang Islam seboleh mungkin. Sekiranya ada jalan melepaskannya, lepaskanlah dia. Seorang pemerintah yang tersilap mengampunkan adalah lebih baik daripada dia tersilap menghukum.

Menyedari bahawa mencuri itu haram juga merupakan salah satu syarat iaitu syarat yang ke tujuh juga termasuk dalam mensabitkan hukuman *hadd*. Dalam kes orang yang mengambil sesuatu barangan atau makanan daripada kedai jirannya tanpa mengetahui apa yang dilakukan itu adalah haram kerana tidak tahu tentang asas Islam atau masih baru memeluk Islam, dia tidak akan dihukum potong tangan. Sebaliknya akan dihukum *ta'zir* berserta denda.

Syarat seterusnya ialah penilaian dari segi kesucian harta yang dicuri. Sekiranya harta yang dicuri berupa arak, khinzir, anjing atau kulit yang belum disamak, tiada hukuman potong tangan dikenakan. (al-Shafi'iy, 2001)

Selain itu harta tersebut mestilah harus digunakan menurut syarak. Sekiranya harta yang dicuri berupa gitar, gambus, seruling atau berhala atau salib, pencuri tidak akan dihukum potong tangan. Ini kerana perbuatan menghancurkan perkara yang tidak baik adalah digalakkan.

Perlu difahami bahawa semua syarat ini adalah syarat untuk mensabitkan pencuri dengan hukuman potong tangan dan bukan syarat menjalankan hukuman. Apabila syarat-syarat ini tidak dipenuhi, hukuman potong tangan akan digugurkan. Walau bagaimanapun, pemerintah berhak memilih hukuman *ta'zir* selain mengenakan denda yang sesuai untuk memberi pengajaran kepada pencuri.

### **Pensabitan Kes Mencuri**

Jenayah curi boleh disabitkan melalui beberapa kaedah antaranya ialah pengakuan, bukti dan juga sumpah Pesalah yang mengaku mencuri akan disabitkan dengan kesalahan tersebut. Dia juga hendaklah

dijatuhkan hukuman kesalahan mencuri. Namun demikian, jika dia menarik balik pengakuannya, hukuman tersebut akan dibatalkan. Hakim hendaklah menawarkan pesalah menarik balik pengakuan sama seperti mana dalam kes zina. Walau bagaimanapun, pengakuan pencuri hanya akan diterima setelah pemilik barang yang dicuri hadir menuntut haknya.

Wujudnya bukti seperti keterangan oleh dua saksi dengan memenuhi syarat-syarat sebagai saksi juga dapat mensabitkan jenayah curi. Namun sekiranya saksi yang ada terdiri daripada seorang lelaki dan dua orang perempuan, ia memadai untuk mengesahkan hak milik harta tersebut, tetapi tidak boleh mensabitkan hukuman potong tangan.

Sumpah juga salah satu cara untuk mensabitkan kes curi oleh pihak yang mendakwa iaitu setelah pihak yang didakwa enggan bersumpah. (Al-Khin, 2010)

Namun perlu diketahui bahawa tidak semua si pencuri itu dikenakan hukuman *hadd* potong tangan, walaupun jenayah curi yang dilakukannya berjaya disabitkan. Sebagai contoh si ibu disabitkan mencuri harta anaknya, dia tidak boleh dikenakan hukuman *hadd* potong tangan. Ini disebabkan adanya halangan dari segi syara' iaitu hubungan waris, bererti si ibu dan anak mewarisi di antara satu sama lain.

## Hukuman

Apabila kesalahan mencuri disabitkan di mahkamah dengan memenuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan tadi, hukuman hudud wajib dijalankan terhadap pesalah. Hukuman hudud ialah memotong tangan kanan pada pergelangan tangan. Hukuman ini dinyatakan oleh firman Allah Ta'ala dalam surah al-Ma'idah ayat 38:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ  
حَكِيمٌ ۝ ٣٨

“Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, maka potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai seksaan dari Allah. Dan Allah Maha Perkasa Lagi Maha Bijaksana”



Demikian juga hadis Amru bin Shu'aib: *Suatu ketika seorang pencuri dihadapkan di hadapan Nabi Sallallahu 'Alaihi Wassalam. Baginda memotong pada pergelangan tangan pencuri tersebut.* (Tabrani, t.Th)

Al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan (lafaz hadis ini riwayat Muslim) bahawa Aisyah *Radiallahu 'Anha* berkata:

*Suatu ketika puak Quraisy merasa bimbang tentang nasib seorang perempuan Bani Makhzum yang disabitkan mencuri. Mereka berkata: "Siapakah yang akan berbincang mengenainya dengan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam.?" Mereka berkata: "Tiada siapa yang berani melakukannya melainkan Usamah, orang yang disayangi oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam." Lalu Usamah berbincang dengan Baginda dan Baginda bersabda: "Adakah engkau mahu memohon pengecualian daripada hudud Allah?" Lantas Baginda berdiri dan berucap, sabda Baginda: "Wahai sekalian hadirin, sesungguhnya orang sebelum kamu binasa kerana apabila orang terhormat di kalangan mereka mencuri, mereka lepaskan dan apabila orang miskin yang mencuri, mereka akan jalankan hukuman. Demi Allah! Sekiranya Fatimah binti Muhammad mencuri, nescaya saya akan potong tangannya." Seterusnya Baginda mengeluarkan perintah agar wanita yang disabitkan mencuri itu dipotong tangannya. (Al-Bukhari, 1688)*

Pada kes kali pertama, tangan kanan pencuri yang akan dipotong. Jika pencuri melakukan kesalahan curi kali kedua, kaki kirinya yang akan dipotong. Manakala jika kesalahan kali ketiga dilakukan, tangan kirinya akan dipotong. Bagi kesalahan kali keempat pula kaki kanannya yang akan dipotong. Sekiranya pesalah masih terus mencuri, pemerintah boleh menjatuhkan hukuman *ta'zir* yang sesuai untuk mencegah.

Imam Al-Syafi'i meriwayatkan dalam musnad daripada Abu Hurairah *Radiallahu 'Anha* bahawa Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wassalam* pernah bersabda mengenai pencuri:

*Sekiranya dia mencuri, potonglah tangannya. Kemudian sekiranya dia mencuri lagi, potonglah kakinya. Kemudian sekiranya dia mencuri lagi, potonglah tangannya. Kemudian*

*sekiranya dia mencuri lagi, potonglah kakinya.* (al-Shafi'iy, 2001)

Terdapat juga di dalam Kitab Bulughul Maram karya fiqh Imam Al-Syafi'i iaitu hadits ke 1024 yang bermaksud ada seorang pencuri dihadapkan kepada Nabi *Sallallahu Alaihi Wasallam* dan beliau bersabda bunuhlah dia mereka berkata ia hanya mencuri wahai Rasulullah beliau bersabda potonglah tangannya maka di potonglah tangannya kemudiannya dihadapkan untuk yang kedua kali kerana mencuri lagi dan beliau bersabda bunuhlah mereka mengatakan sebagaimana sebelumnya lalu ia dihadapkan untuk ke tiga kali lalu mereka menyebut seperti sebelumnya kemudian yang dihadapkan untuk yang keempat kali lalu dihadapkan untuk yang kelima kali Dan beliau bersabda bunuhlah dia dia juga meriwayatkan hadis serupa hadis Ibnu Hathib. Imam Al-Syafi'i menyebutkan bahawa pembunuhan bagi kesalahan yang kali kelima adalah dimansuhkan.

Namun terdapat perselisihan pendapat dalam dua hal iaitu pertama apabila tangan kanan pesalah itu tidak sempurna seperti lumpuh atau ada di antara jari-jari tangan kanannya yang hilang, adakah ia memadai untuk dikenakan hukuman *hadd* potong tangan? Kedua pula ialah apabila tangan kiri pesalah itu tidak sempurna seperti lumpuh atau ada di antara jari-jari tangan kirinya yang hilang, adakah tangan kanan pesalah boleh dikenakan hukuman *hadd* potong tangan? Persoalan pertama iaitu apabila tangan kanan pesalah itu tidak sempurna seperti lumpuh atau ada di antara jari-jari tangan kanannya hilang, adakah ia memadai untuk dikenakan hukuman *hadd* potong tangan?

Mazhab Syafi'i mengatakan bahawa dikenakan hukuman *hadd* potong tangan kanan pesalah sekalipun tangannya itu tidak mempunyai sebarang jari atau terpotong sebahagian tapak tangannya atau tangan kanannya itu lumpuh dengan syarat darahnya akan berhenti mengalir apabila dipotong, kerana semua itu masih dinamakan tangan dan memotongnya juga menghasilkan maksud pencegahan, kesakitan dan tegahan. Jika menurut pakar bahawa memotong tangan kanannya yang lumpuh itu akan membawa kepada darahnya tidak akan berhenti mengalir yang boleh membawa kepada kematian, maka tidak dikenakan hukuman *hadd* potong pada tangannya yang lumpuh itu bahkan dikenakan hukuman *hadd* potong pada kaki kirinya. (al-Mawardiyy, 1994)

Manakala dalam Mazhab Syafi'i juga mengatakan bahawa dikenakan hukuman *hadd* potong tangan kanan pesalah sekalipun tangan kiri pesalah itu lumpuh atau ada di antara jari-jari tangan kirinya yang terpotong kerana menurut mereka tangan kiri boleh dikenakan hukuman *hadd* apabila pesalah melakukan jenayah curi secara berulang kali (pada kali ketiga). (al-Mawardiyy, 1994)

Dalam Mazhab Syafi'i seorang pencuri yang sempurna tangan kanannya ketika dia melakukan jenayah curi, kemudian tangan kanannya itu tidak berfungsi (lumpuh), kudung atau terpotong selepas dia melakukan jenayah curi sama ada ia berlaku sebelum atau selepas khusumah (pertikaian dibuat di muka pengadilan) ataupun sama ada ia berlaku sebelum atau selepas diputuskan hukuman perceraian, maka tidak dikenakan sebarang hukuman *hadd* ke atasnya sama sekali. Tetapi jika tangan kanannya itu tidak berfungsi (lumpuh), kudung atau terpotong sebelum dia melakukan jenayah curi, maka kedudukan hukumannya adalah sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini. (al-Shiradhiyy, 1996)

### **Jenayah Curi (*sariqah*) Menurut Undang-Undang Negara Brunei Darussalam: Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (PKHJS, 2013)**

Dalam PKHJS, menurut bab 52 (1), "*hadd*" diberi maksud dengan makna hukuman atau siksaan yang telah ditetapkan oleh al-Qur'an atau Sunnah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bagi kesalahan *sariqah*, *hirabah*, *zina*, *qazaf*, meminum minuman yang memabukkan dan *irtidad*. Sekalipun pada dasarnya makna yang diberikan oleh PKHJS ini tidak merujuk kepada mana-mana definisi yang diberikan oleh mana-mana mazhab yang empat. Tetapi secara umumnya ia tidaklah terkeluar daripada maksud *hadd* yang dikehendaki.

*Sariqah* adalah diperuntukan pada bab 53 di dalam PKHJS,2013. Perintah-perintah ini iaitu *sariqah* dan *hirz* adalah membawa maksud yang tertentu. '*Hirz*' bermakna penjagaan terhadap sesuatu harta menurut kesesuaiannya berdasarkan Hukum Syara'. Manakala "*sariqah*" pula bermakna suatu perbuatan memindah dengan cara sembunyi – sembunyi harta alih daripada *hirz* atau milikan tuan punyanya tanpa persetujuannya dan perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak melucuthakkan harta iaitu daripada *hirz* milikan tuan punyanya.

Adapun elemen -elemen curi untuk mensabitkan hukuman *hadd* dalam PKHJS,2013 adalah dinyatakan pada bab 54 iaitu berkaitan dengan kadar *nisab*.

Kadar *nisab* bagi *sariqah* yang dikenakan hukuman *hadd* ialah **1 dinar**. Huraian – Kadar *nisab sariqah* yang dikenakan hukuman *hadd* adalah 1 dinar (4.25 gram emas) atau nilainya dalam mata wang tempatan pada masa kessalahan *sariqah* dilakukan.

Misalan – jika harga pasaran bagi 1 gram emas ialah \$80, maka kadar *nisab* bagi *sariqah* yang dikenakan hukuman *hadd* dalam matawang Brunei Darussalam adalah \$340.

Peruntukan ini bukanlah bermazhabkan Mazhab Syafi'i tetapi ianya adalah bermazhabkan Mazhab Hanafi kerana kadar *nisab* menurut Mazhab Syafi'i adalah satu per empat dinar. (Al-Khin, 2010)

Peruntukan bab 54 adalah berdasarkan pendapat Mazhab Hanafi yang menetapkan bahawa *nisab* harta yang dicuri yang dikenakan hukuman *hadd* potong tangan ialah satu dinar emas. Pendapat majoriti ulama yang terdiri daripada Mazhab Maliki, Mazhab Syafi'i dan Mazhab Hanbali dari segi kekuatan dalil adalah lebih kuat kerana disokong dan dikuatkan oleh hadis-hadis yang sahih. Manakala pendapat Mazhab Hanafi dari segi amalinya adalah lebih praktikal bersandarkan kepada peluasan pemakaian prinsip menghindarkan dari mengenakan hukuman hudud apabila wujud sebarang syubhah. (al-'Aziz, 1997)

Hukuman *Sariqah* dalam PKHJS, 2013 adalah terletak pada bab 55 iaitu mana-mana orang yang melakukan *sariqah*, yang jumlah nilai harta sampai atau melebihi *nisab* dan *sariqah* itu dibuktikan sama ada dengan *ikrar* tertuduh atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya dua orang syahid menurut Hukum Syara' selain keterangan mangsa, setelah Mahkamah berpuas hati dengan mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan hukuman *hadd* bagi kesalahan pertama, dipotong pada sendi pergelangan tangan kanannya.

Bagi kesalahan kedua, dipotong kaki kirinya sehingga ke buku lali dan bagi kesalahan ketiga atau berikutnya, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun.

Adapun peruntukan PKHJS dalam bab 55 cerai (1) perenggan (a), (b) dan (c) tersebut adalah jelas tidak berdasarkan pendapat Mazhab Syafi'i dengan merujuk kepada perbahasan yang telah dihuraikan sebelum ini. (al-Shafi'iy, 2001) Namun peruntukan tersebut adalah berdasarkan pendapat Mazhab Hanafi dan pendapat yang rajih dalam Mazhab Hanbali yang menetapkan bahawa sesiapa yang telah dijatuhi hukuman *hadd* potong tangan kanan bagi kesalahan curi yang pertama dan juga hukuman *hadd* potong kaki kiri bagi kesalahan curi yang kedua, jika dia melakukan jenayah curi lagi selepas itu bagi kali ketiga dan berikutnya, maka dia tidak lagi dijatuhi dengan sebarang hukuman *hadd* potong tangan atau hukuman *hadd* potong kaki, tetapi dia dijatuhi dengan hukuman *ta'zir*

Manakala peruntukan yang kedua bagi bab 55 cerai (2) pula ialah mana mana Mukallaf yang melakukan *sariqah* secara berkumpulan dan jumlah nilai harta yang dicuri jika dibahagi rata antara mereka yang memasuki *hirz*, masing-masing dapat jumlah sampai atau melebihi *nisab* sama ada atau tidak setiap seorang dari mereka memindah harta *sariqah* itu atau sebahagian daripadanya dan *sariqah* itu dibuktikan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dihukum dengan hukuman yang sama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah cerai (1).

Peruntukan bab 55 cerai (2) adalah khusus bagi penjenayah yang melakukan jenayah *sariqah* secara berkumpulan dan dibuktikan sama ada dengan ikrar tertuduh atau dengan *syahadah* sekurang-kurangnya dua (2) orang syahid adalah dihukumkan seperti cerai (1).

Manakala hukuman *ta'zir* pula telah diperuntukkan dalam bab 55 cerai (3) iaitu mana-mana orang yang melakukan *Sariqah* yang dibuktikan dengan keterangan selain yang diperuntukkan dibawah cerai (1) atau alam keadaan-keadaan yang disebutkan dalam bab-bab 56 dan 57, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya dikenakan suatu denda tidak melebihi \$56,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 14 tahun atau kedua-dua sekali.

Terdapat beberapa keadaan dimana hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan akan tetapi digantikan

dengan hukuman ta'zir seperti yang dinyatakan di dalam bab 55 ceraian (3).

Keadaan - keadaan yang diperuntukkan itu terletak pada bab 56, namun tidak semuanya berdasarkan Mazhab Syafi'i sepertimana yang telah diterangkan sebelum ini.

Adapun hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan dalam lima (5) keadaan. Empat keadaan yang pertama adalah bermazhabkan Mazhab Syafi'i iaitu apabila nilai harta yang dicuri itu kurang daripada *nisab*;

Keadaan yang kedua pula ialah apabila pesalah itu bukan mukallaf; (al-Mawardiyy, 1994)

Manakala keadaan yang ketiga pula ialah apabila tuan punya harta yang dicuri itu tidak mengambil langkah yang cukup untuk menjaga harta itu daripada kena curi, memandangkan kepada keadaan harta itu dan tempat harta itu disimpan atau ditinggalkan bukan pada *hirznya*; (al-Mawardiyy, 1994)

apabila pesalah itu belum lagi mendapat milik yang sepenuhnya terhadapnya harta yang dicuri itu, walaupun tuan punya tidak lagi mempunyai jagaan atau milikan ke atas harta tersebut juga termasuk keadaan di mana hukuman *hadd* tidak dapat dikenakan. (al-Mawardiyy, 1994)

Namun keadaan yang kelima iaitu apabila harta yang dicuri adalah sejenis harta yang tidak bernilai dan boleh didapati dengan banyaknya di merata-rata tempat atau pun daripada jenis harta yang mudah musnah bukanlah bermazhabkan Mazhab Syafi'i. yang mana ianya bertentangan dengan mazhab Syafi'i iaitu *hadd* tetap dikenakan pada jenis harta yang tidak bernilai. (al-Mawardiyy, 1994)

Misalan - A mencuri buah di dalam kawasan kebun kepunyaan B dan memakan buah yang dicuri itu di kawasan atau di tempat tersebut. A tidak boleh dikenakan hukuman *hadd*

Bab 56 perenggan (e) iaitu keadaan yang kelima adalah berdasarkan kepada pendapat Mazhab Hanafi yang menetapkan bahawa tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan apabila harta yang dicuri adalah jenis harta yang tidak bernilai (*tafiḥ*).

Manakala perenggan seterusnya iaitu perenggan (f) iaitu keadaan ke enam adalah bertepatan dengan Mazhab Syafi'i iaitu apabila harta yang dicuri tidak mempunyai apa-apa mengikut hukum syarak seperti minuman yang memabukkan atau alat-alat hiburan (Al-Khin, 2010)

Keadaan yang ke tujuh pula iaitu perenggan (g) di dalam PKHJS, 2013 menyatakan bahawa apabila kesalahan mencuri itu dilakukan oleh pemberi hutang ke atas harta orang yang berhutang dengannya yang enggan membayar hutang itu maka hukuman *hadd sariqah* tidak dapat dikenakan.

Dengan syarat bahawa nilai harta yang dicuri itu tidak melebihi jumlah hutang, atau nilai harta tersebut melebihi jumlah hutang tetapi tidak melebihi *nisab*.

Peruntukan bab 56 perenggan (g) ini tidak berdasarkan kepada pendapat Mazhab Syafi'i yang menetapkan bahawa tidak dikenakan hukuman *hadd* potong tangan ke atas pemberi hutang yang mencuri harta orang yang berhutang dengannya yang enggan membayar hutang samada kurang atau lebih atau sampai kadar *nisab*. (Al-Khin, 2010)

Namun peruntukan perenggan ini adalah berdasarkan kepada pendapat Mazhab Maliki dan ianya adalah wajar demi memelihara hak pemberi hutang dan orang yang berhutang.

Perenggan seterusnya ialah berkaitan dengan keadaan pencuri yang mendesak.

- (a) apabila kesalahan itu dilakukan dalam keadaan yang amat mendesak seperti perang kelaparan, penyakit dan bencana alam.
- (b) apabila kesalahan itu berlaku dalam keluarga seperti isteri mencuri daripada suaminya dan sebaliknya, atau anak mencuri daripada bapanya dan sebaliknya;
- (c) apabila kesalahan itu dilakukan oleh sekumpulan orang yang mana bahagian yang diperolehi oleh tiap-tiap seorang pada pesalah itu setelah dibahagikan, harta yang dicuri atau hasilnya sesama mereka adalah kurang daripada *nisab*;
- (d) apabila pesalah itu mengembalikan harta atau nilai harta yang dicuri itu sebelum hukuman *hadd* dilaksanakan.

Kesemua perenggan (a) hingga (d) adalah bermazhabkan Mazhab Syafi'i sepertimana yang telah dinyatakan di dalam bahagian curi sebelum ini. (Al-Khin, 2010)

Perenggan (k) adalah tidak berdasarkan mazhab Syafi'i iaitu tiada penarikan balik bagi kes hudud jika sudah dihadapkan ke muka pengadilan walaupun sebelum hukuman *hadd* di jalankan.

Perenggan seterusnya ialah perenggan (l) hingga (o) juga bermazhabkan syafi'i (Al-Khin, 2010) iaitu seperti berikut : (l) apabila tuan punya harta yang dicuri itu tidak mengaku bahawa hartanya telah dicuri Walaupun pesalah itu telah membuat ikrar mencurinya

(m) apabila pesalah itu membuat bantahan yang boleh diterima oleh hukum syarak terhadap Syahid syahid

Misalan - A telah dituduh mencuri harta B. 2 orang syahid telah memberi *syahadah* untuk membuktikan kebenaran itu. A telah membuktikan kepada mahkamah yang kedua-dua adalah fasiq. A tidak boleh dikenakan hukuman *hadd*.

(n) apabila harta yang dicuri itu, atau keadaan dalam mana kesalahan itu dilakukan tidak ada hukuman had yang boleh dikenakan ke atasnya mengikut *Hukum Syara'*;

(o) apabila harta yang dicuri itu harta milik bersama;

Huraian - harta milik bersama bermakna harta alih yang disediakan untuk faedah orang awam.

**(p) apabila tangan kanan atau kiri pesalah tidak berfungsi, kudung atau terpotong.**

Peruntukan bab 56 perenggan (p) tersebut boleh dikatakan mengguna pakai pendapat Mazhab Hanafi atau pendapat Mazhab Hanbali yang menetapkan bahawa jika tangan kiri pesalah tidak berfungsi, kudung atau terpotong maka hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan.

Walau bagaimanapun bab 56 perenggan (p) yang memperuntukkan bahawa jika tangan kanan pesalah tidak berfungsi,



kudung atau terpotong maka hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan adalah tidak bertepatan dengan mana-mana pendapat mazhab yang empat yang telah disebutkan. Apa yang ada disebut oleh para ahli fikah berhubung pencuri yang tidak dikenakan hukuman *hadd* sama sekali jika tangan kanan pesalah tidak berfungsi, kudung atau terpotong ialah dalam situasi bilamana tangan kanan pesalah yang tidak berfungsi, kudung atau terpotong itu terjadi atau berlaku setelah khusumah (pertikaian dibuat di muka pengadilan) menurut Mazhab Hanafi atau setelah dia melakukan jenayah curi menurut Mazhab Maliki, Mazhab Syafi'i dan Mazhab Hanbali.

Maka adalah jelas bahawa bab 56 perenggan (p) yang memeruntukkan jika tangan kanan atau tangan kiri pesalah tidak berfungsi, kudung atau terpotong maka hukuman *hadd* bagi kesalahan *sariqah* tidak boleh dikenakan adalah tidak berdasarkan pendapat Mazhab Syafi'i yang menetapkan bahawa dikenakan hukuman *hadd* potong tangan kanan pesalah sekalipun tangan kanannya itu tidak mempunyai sebarang jari atau terpotong sebahagian tapak tangannya atau lumpuh dan sekalipun tangan kiri pesalah itu lumpuh atau ada di antara jari-jari tangan kirinya yang terpotong. (al-Shafi'iy, 2001)

### **Harta dalam *hirz* yang berlainan**

Bab 57. Jika *sariqah* dilakukan dari *hirz* yang sama lebih dari satu urusan, atau *sariqah* dilakukan lebih dari satu *hirz*, dan nilai harta *sariqah* dalam setiap kes kurang dari *nisab*, maka ia bukan *sariqah* yang boleh dikenakan hukuman *hadd* Walaupun nilai harta yang terlibat dalam semua kes sampai kepada atau melebihi *nisab*.

Misalan -misalan – (a) A memasuki sebuah rumah yang didiami oleh sebuah keluarga dan melakukan *sariqah* dari beberapa buah bilik dan nilai kesemua harta yang diambil sampai atau melebihi *nisab*. *Sariqah* sedemikian boleh dihukum *hadd* walaupun nilai harta yang diambil dari mana-mana bilik tidak sampai *nisab*. Jika rumah itu didiami oleh lebih dari sebuah keluarga dan nilai harta yang diambil dari *hirz* mana-mana keluarga itu kurang dari *nisab*, maka *sariqah* itu tidak boleh dikenakan hukuman *hadd* walaupun nilai kesemua harta yang diambil sampai atau melebihi *nisab*.

(b) A memasuki sebuah rumah beberapa kali untuk melakukan *sariqah* di rumah itu, setiap kali masuk, nilai harta yang diambil tidak sampai *nisab*. *Sariqah* itu tidak boleh dikenakan hukuman *hadd*

walaupun nilai kesemua harta yang diambil sampai atau melebihi *nisab*.

### **Hukuman kerana melakukan qatl atau mencederakan seseorang semasa melakukan *sariqah***

Bab 58. Mana-mana orang yang melakukan *qatl* atau mencederakan seseorang semasa melakukan *sariqah* adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan sebagai tambahan kepada hukuman *sariqah* itu, dikenakan hukuman *qisas*, *diyat* atau *arsy* menurut *Hukum Syara'*.

### **Percubaan melakukan *sariqah*.**

Bab 59. Mana-mana orang yang cuba melakukan *sariqah* atau cuba untuk menyebabkan berlakunya *sariqah* adalah melakukan suatu kesalahan dan oleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20, 000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Misalan – A cuba untuk melakukan *sariqah* beberapa barang kemas dengan memecah satu kotak dan setelah kotak itu terbuka di amendapati tidak ada barang kemas didalamnya. A telah melakukan perbuatan cuba melakukan *sariqah*, dari itu dia telah melakukan kesalahan di bawah bab ni.

### **Subahat melakukan *sariqah***

Bab 60. (1) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan *sariqah* di bawah bab 55 (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40, 000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Mana-mana orang yang bersubahat melakukan *sariqah* di bawah bab 55 (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$28, 000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.

### **Pengembalian harta *sariqah***

Bab 61 (1) Harta *sariqah* hendaklah dikembalikan kepada mangsa jika harta itu didapati dalam bentuk asal dan boleh dikenal pasti.

(2) Jika harta *sariqah* itu hilang atau digunakan semasa dalam pegangan pesalah, maka pesalah terlibat hendaklah diperintahkan supaya membayar ganti rugi dan ganti rugi itu hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada pemilik.

## **KESIMPULAN**

Daripada enam jenayah yang dikenakan padanya hukuman *hadd* yang diperuntukkan oleh PKHJS iaitu jenayah zina, jenayah qadhaf (menuduh berzina), jenayah minum arak, jenayah *sariqah* (curi), jenayah *hirabah* (rompak) dan jenayah murtad, dikenal pasti bahawa hanya dua jenayah sahaja yang ada menerima pakai pendapat selain Mazhab Syafi'i di dalam peruntukan-peruntukannya iaitu jenayah *sariqah* dan jenayah *hirabah*.

Dari bab 53 hingga bab 61 bagi jenayah curi, hampir kesemua peruntukan memakai pendapat Mazhab Syafi'i kecuali 6 peruntukan sahaja yang memakai pendapat selain Mazhab Syafi'i. Perkara ini adalah demi menghindarkan hukuman *hadd* apabila wujud unsur syubhah di dalam jenayah yang dilakukan. Di samping tidak menghilangkan keberkesanan dalam membendung jenayah curi.

Ini menunjukkan bahawa hanya sedikit sahaja peruntukan di dalam PKHJS 2013 bagi jenayah curi bermazhabkan Mazhab Syafi' sesuai dengan perlembagaan Brunei yang telah menetapkan bahawa tidak menolak mazhab-mazhab lain sesuai dengan kemaslahatan umat pada zaman ini selepas beberapa pakar dan ahli mesnyuarat yang di lantik untuk menentukan pendapat-pendapat mazhab mana kah yang sesuai untuk digunapakai.

## BIBLIOGRAFI

- Abd. Latif Juffri. (2010). *40 Tokoh Ulama Johor. Siri Pertama*. Malaysia: Johor Bahru.
- Al-Shirbiniyy, S. a.-D.-K. (2000). *Mughni al- Muhtaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-'Asqalaniyy, A. i. (2001). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhariyy*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al -Wa.
- Al-Asqalaniyy, I. H. (n.d.). *Fath Al-Bari*.
- al-'Aziz, D. '. (1997). *al-Fiqh al-Jina'i fi al-Islam*. Kaherah: Dar as-Salam.
- Al-Baghawi, A. M.-H.-F. (1997). *At-Tahdhib Fi Fiqh Al-Imam As-Syafi'i*. Beirut - Lubnan: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Bukhari. (1688). *Hudud, Bab : Dibenci Menuntut Pengecualian Hudud Sekiranya Dihadapkan Kepada Pemerintah*.
- Al-Ghazali, A. H. (1322H). *al-Mustafa Min 'Ilm al-Usul*. Misr: Matba'at al-Amiriyah Bibulaq.
- Al-Jaziri, A. A.-R. (1392H). *Kitab al-Fiqh Ala al – Mazahib al-Arba'ah*. Cairo, Misr: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Kasaniyy. (t,th). *Bada'i al-Sana'i*.
- Al-Khin, D. M. (2010). *Kitab Fiqh Mazhab Syafi'I*. Kuala Lumpur: Percetakan Salam Printer Sdn.Bhd.
- Al-Mawardi, A. A.-H. (2005). *Al-Ahkam As-Sultaniyyah, The Laws of Islamic Governancs*. England: Ta-ha Publisher.
- Al-Mawardi, A. b.-B. (1978). *al-Ahkam al-Sultaniyah Wa al-Wilayat al-Diniyyah*,. Misr: Dar al-Tawfiqiyyah.
- al-Mawardiyy, A. a.-H.-B. (1994). *al-hawi al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'ilmiyyah.

Al-Qurtubi. (t.th). , *al-Jami' Li Ahkam al-Quran*.

Al-Razi, M. b. (1981). *Mukhtar al-Sihah*. Bayrut: Dar al-Fikr.

al-Shafi'iyy, M. i. (2001). *al-Umm*. al-Mansurah: Dar al-Wafa.

al-Shiradhiyy, A. I. (1996). *Al-Muhadhdhab*. Beirut: Al-Dar al-Shammiyah.

Al-Sufri, P. D. (1990). *Tarsilah Brunei Sejarah Awal Dan Perkembangan Islam*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah.

al-Syafi'i. ( :1013). *Kitab Bulughul Maram*.

Al-Zaila'iyy. (t.th). *Tabyin al-Haqaiq*.

Al-Zayla'i. (1315H). *Tabyin al-Haqaiq Sharh Kanz al-Daqaiq*. Misr: al-Mathba'ah al-Kubra al-Amiriyyah Bi Bulaq.

Al-Zayla'i, F. U. (1315H). *Tabyin Al-Haqaiq Sharh Kanz Al-Daqaiq* . Misr: Al-Mathba'ah Al-Kubra Al-Amiriyyah Bi Bulaq.

Al-Zuhayli, D. W. (1989). *al- Fiqh al –Islam Wa Adilatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

Al-Zuhayli, D. W. (2001). *Fiqh & Perundangan Islam*,. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

'Awdah, A. A.-Q. (1977). *al-Tashri' al-Jina'I al-Islami*,.

Bahansi. (1967). *Nazariyat Al-Istibat Fi Al-Fiqh Al-Jinai' Al-Islami* . Mesir: Maktabah Al-Arabi.

Bakar, B. H. (2013). *Tanggungjawab di hadapan Allah tertunai*. Brunei: Jabatan Penerangan .

Carroll, J. S. (1982). *Berunai in the Boxer Codex*. Singapore: Malaysia Printers Limited.

Enactment, C. (1920). *The Laws Of the State of Brunei 1906-1930*.

Farahun, i. F.-W.-I. (1301H). *Tabsirat al-Hukkam Fi Usul al-Aqdiyyah Wa Manahij al-Ahkam*. Misr: al-Mathba'ah al-Amirah al-Sharafiyah.

Humam, i. (t,th). *Sharh Fath Al-Qadir*.

Ibn Hajar Al-Haytami, S. A.-D. (1315H). *Tuhfat Al-Muhtaj Bi Sharh Al-Minhaj*. Misr: Al-Matba'ah Al-Maymanah.

Ibn Rushd, A. a.-W. (1995). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.

Ibrahim, D. H. (2010). *Kanun Sultan Hassan Asas Pembinaan Bangsa Brunei*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Percetakan Kerajaan.

Ibrahim, H. S. (t,th). *Qanun Jinayah Syariah & Sistem Kehakiman*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.

Isa, Y. (2005). *Hukum Kanun Pahang*. Pahang: Lembaga Muzium Negeri Pahang.

Iyed, D. A. (1996). *Nizam al-Hukm fi al-Islam, Dar al-Nafa'is*. Al-Urdun.

Juned, H. A. (1992). *Islam Di Brunei Zaman Pemerintahan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzadiin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan NBD*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah.

Mustaffa, A. R. (1988). *Prinsip-prinsip Undang-undang Keterangan Islam*.

Othman, M. S. (1996). *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam : Satu Tinjauan*. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Puteh, H. A. (n.d.). *Hukum Kanun*.

Rahman, P. D. (1986). *Islam Masuk Ke Brunei dan Hubungannya Dengan Nusantara*. Kuala Lumpur: Majallah Dakwah.

Rahman, P. D. (t.th). *Islam Di Brunei Darussalam*.

Rushd, I. (2003). *The Distinguished Jurist's Primer Vol Ii, Bidayat Al-Mujtahid Wa Nihayat Al-Muqtasid*. Lebanon: Garnet Publishing Limited.

Rusyd, I. (1991). *Terjemah Bidayatul Mujtahid* . Kuala Lumpur: Victory Agencie.

St.John, S. (t.th). *Life in The Forest of The Far East*. London: Smith, Elder And Co. 65 Cornhill.

Syafi'i. (n.d.). *Bulughul Maram*.

Tabbarah, A. A.-F. (1976). *Al-Khataya Fi Nazari Al-Islam*. Bayrut: Dar Al-Ilm Li Al-Malayin.

Tabrani, A. . (t.Th). *Mughnil Muhtaj*.

Treacher, W. (1891). *British Borneo : Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo*. Singapore: The Government Printing Department.

Wajis, D. N. (1995). *The Crime Of Hirabah in Islamic Law*. Kuala Lumpur.